

09/08/2002

400 syarikat sertai Minggu ICT

MINGGU Teknologi Komunikasi dan Maklumat Malaysia 2002 (MICT 2002) yang diadakan di sini bulan depan dijangka menarik penyertaan lebih 400 syarikat ICT dan 30,000 pengunjung.

Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, berkata MICT 2002 akan diadakan selama lima hari mulai 3 September di Pusat Pameran The Mines, Seri Kembangan dan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

MICT 2002 diadakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (Mten) dan AMB Exhibition Sdn Bhd, katanya pada sidang media di sini, minggu lalu.

Selain itu, Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI), Majlis IT Kebangsaan (NITC) dan Puspanita turut terbabit dengan mengadakan pelbagai aktiviti sempena MICT 2002, katanya.

Beliau berharap MICT 2002 mampu meningkatkan ekonomi dan masyarakat berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi serta k-masyarakat dan merapatkan jurang digital melalui ICT yang inovatif, e-dagang dan penyelesaian multimedia.

Moggie berkata, MICT 2002 diadakan sempena mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) kali keenam yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Satu persidangan dan forum MSC-IAP juga akan diadakan yang meliputi tajuk berkaitan e-dagang dan telekomunikasi serta Persidangan Asia mengenai Multimedia," katanya.

Beliau berkata persidangan itu akan menjadi platform perbincangan unggul bagi pihak industri, terutamanya usahawan kecil dan sederhana, dalam bidang ICT untuk membolehkan mereka mempelajari dan membina jaringan antara satu sama lain dalam bidang itu.